

*Artikel*

**Tema dan Isu Induk Perbahasan Akidah dalam *Al-Muqaddimāt* Karya Muhammad bin Yūsuf Al-Sanūsī**

(*Theme and Main Issue of Faith Debate in Al-Muqaddimāt* By Muhammad Bin Yūsuf Al-Sanūsī)

Mohd Firdaus Mohamad Darwi\*, Wan Haslan Khairuddin & Abdull Rahman Mahmood

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi. Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [mulvifidoss@gmail.com](mailto:mulvifidoss@gmail.com)

Diserah: 12 Jun 2023

Diterima: 11 Mac 2024

**Abstrak:** *Al-Muqaddimāt* merupakan salah satu karya akidah Muhammad bin Yūsuf al-Sanūsī yang masyhur. Walaubagaimanapun, tema dan isu perbahasan yang dimuatkan di dalam karya tersebut dilihat amat berbeza dengan karya-karya akidah lain. Ini kerana perbahasan *ilāhiyyāt*, *nubūwwāt* dan *sam‘iyāt* yang menjadi perbahasan utama akidah tidak diperbahaskan secara khusus di dalamnya. Justeru, artikel ini dihasilkan bagi melihat secara mendalam apakah tema dan isu induk yang terdapat dalam *al-Muqaddimāt* selain menonjolkan hubungkait karya tersebut dengan karya-karya akidah lain serta peranannya dalam kajian-kajian akidah. Objektif dan perbincangan yang diketengahkan melalui artikel ini ialah: [i] pengenalan terhadap *al-Muqaddimāt*; [ii] tema dan isu perbahasan akidah dalam *al-Muqaddimāt*; dan [iii] peranan serta kepentingan *al-Muqaddimāt* dalam kajian akidah. Penulisan artikel ini dilakukan berdasarkan kajian kualitatif dengan metode analisis kandungan terhadap *al-Muqaddimāt* berserta huraiannya yang berjudul *Sharḥ al-Muqaddimāt* yang juga merupakan karya al-Sanūsī. Selain itu, karya-karya ulama lain yang berkaitan dengan perbincangan juga dilihat bagi mengukuhkan analisis. Dapatan awal mendapati bahawa *al-Muqaddimāt* berserta huraiannya merupakan salah satu dari lima karya akidah utama al-Sanūsī yang digelar *al-Silsilah al-‘Aqdiyyah al-Sanūsiyyah* (rantaian karya-karya akidah al-Sanūsī). Ia berperanan sebagai pengantar kepada karya-karya akidah dan ilmu Kalam yang berteraskan fahaman Ahli Sunah Wal Jamaah. Memahami kandungan *al-Muqaddimāt* secara mendalam dilihat menjadi pemangkin kepada pemahaman akidah yang benar menerusi karya-karya lain. Justeru, pemahaman akidah melalui karya-karya lain amat bergantung kepada pemahaman kandungan *al-Muqaddimāt* terlebih dahulu kerana peranannya sebagai pengantar.

**Kata kunci:** Muhammad bin Yūsuf al-Sanūsī; *al-Muqaddimāt*; perbahasan akidah; tema; isu induk

**Abstract:** *Al-Muqaddimāt* is one of Muhammad bin Yūsuf al-Sanūsī's famous works of ‘aqīdah. However, the themes and issues of debate contained in the work are seen to be very different from other works of ‘aqīdah. This is because the debates of *ilāhiyyāt*, *nubūwwāt* and *sam‘iyāt* which are the main debates of faith are not specifically discussed in it. Thus, this article was produced to look in depth at the main themes and issues found in *al-Muqaddimāt* in addition to highlighting the relationship between the work and other religious works as well as its role in religious studies. The objectives and discussions highlighted through this article are: [i] introduction to *al-Muqaddimāt*; [ii] themes and issues of faith debate in *al-Muqaddimāt*; and [iii] the role and importance of *al-Muqaddimāt* in the study of faith. The writing of this article is based on a qualitative study with the method of content analysis of *al-Muqaddimāt* along with its description entitled *Sharḥ al-Muqaddimāt* which is also the work of al-Sanūsī. In addition, the works of other scholars related to the discussion are also seen to strengthen the analysis. Preliminary findings found that *al-Muqaddimāt* along with

its description is one of al-Sanūsī's five main 'aqīdah works called *al-Silsilah al-'Aqdiyyah al-Sanūsiyyah* (chain of 'aqīdah works of al-Sanūsī). It acts as an introduction to works of 'Aqīdah and 'Ilm Kalam based on the understanding of Ahli Sunah Wal Jamaah. Understanding the content of *al-Muqaddimāt* in depth is seen as a catalyst for understanding the true faith through other works. Therefore, understanding the 'aqīdah through other works is very dependent on understanding the content of *al-Muqaddimāt* first because of its role as an introduction.

**Keywords:** Muhammad bin Yūsuf al-Sanūsī; *al-Muqaddimāt*; faith debate; theme; main issue

## Pengenalan

Penstrukturkan akidah Islam telah melalui beberapa fasa sehingga terbentuk mazhab Ahli Sunah Wal Jamaah (ASWJ) yang benar-benar memelihara ketulenan kandungan akidah yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan para sahabatnya (Mohd Hamidi Ismail, 2017). Akidah Islam yang berorientasikan manhaj ASWJ adalah berasaskan dari dua kalimah syahadat (Wan Haslan Khairuddin, 2022). Melaluinya diperincikan kesemua perkara-perkara iman yang wajib diyakini. Ulama mempunyai pendekatan yang berbeza dalam menghuraikan kesemua perkara-perkara keimanan tersebut berdasarkan keperluan zaman dan masyarakat yang mereka hadapi. Namun, kebanyakan ulama akan memberi huraian melalui tiga cabangan utama bagi kesemua perkara-perkara keimanan tersebut iaitu *ilāhiyyāt*, *nubuwāt* dan *sam'iyyāt*. Oleh yang demikian, hakikat pembentangan huraian akidah ASWJ adalah merupakan penerangan terhadap pengertian dan tuntutan yang dikehendaki di sebalik dua kalimah syahadat.

Para ulama ASWJ terdahulu benar-benar mengambil berat terhadap ilmu-ilmu berkaitan akidah dengan membawa penjelasan dalam pelbagai bentuk penulisan selain menghuraikannya secara lisan kepada setiap lapisan masyarakat Islam (Füdah, 2009). Muhammad bin Abī Ya‘qūb Yūsuf al-Sanūsī al-Hasanī al-Tilimsānī (w. 895H) adalah termasuk dari kalangan ulama yang dimaksudkan. Tokoh yang digelar sebagai Imam al-Sanūsī ini amat terkenal serta tidak asing dalam dunia keilmuan Akidah sehingga beliau bukan hanya dikenali oleh para ulama bahkan turut dikenali oleh masyarakat awam ('Umar Mabrakī, 2021). Kehadiran al-Sanūsī pada kurun ke-9 hijrah dianggap sebagai tokoh terkemuka mazhab ASWJ khususnya dalam aliran al-Ashā'irah apabila beliau berjaya mengadun dan merumus segala metologi akidah yang dibawa oleh ulama sebelumnya dan memberi titik noktah terhadap segala transformasi yang berlaku. (Mustafa Kamal & Mohd Hakim, 2018). Jasa dan sumbangaan beliau begitu besar dalam dunia keilmuan Islam khususnya di dalam bidang Akidah. Penulisan dan pemikiran beliau memberi pengaruh besar terhadap lanskap pegangan akidah masyarakat Islam yang berteraskan aliran akidah al-Ashā'irah. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas pada corak pembentangan dan penghuraian beliau terhadap perbahasan *ilāhiyyāt* sebagaimana yang terkandung di dalam karya-karya akidahnya (Engku Ku Hasan & Fauzi Hamat, 2009).

Gelaran al-Sanūsī yang diperolehnya merujuk kepada nama kabilah beliau berasal iaitu kabilah Banī Sanūsah yang berada di Maghribi. Gelaran al-Tilimsānī pula merujuk kepada tempat beliau dilahirkan iaitu di sebuah kota bernama Tilimsān. Manakala gelaran al-Hasanī pula merujuk kepada susur galur keturunan beliau yang sampai kepada al-Hasan bin 'Alī bin Abī Ṭālib iaitu cucu baginda Nabi Muhammad SAW. Beliau merupakan salah seorang ulama beraliran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang amat terkenal. Keilmuannya meliputi kesemua bidang-bidang utama di dalam agama seperti tafsir, hadith, akidah, fiqh, lughah dan lain-lain. Ia dapat dibuktikan melalui penulisan dan karya-karya beliau yang merangkumi kesemua bidang-bidang tersebut. Kesemua karya beliau yang menakjubkan itu menunjukkan kewibaannya dalam ilmu agama serta ketelitian dan kedalaman pemikirannya terutama di dalam bidang akidah dan usuluddin (Füdah 2009).

*Al-Muqaddimāt* merupakan salah satu karya beliau yang menjadi rujukan dalam memahami kerangka akidah ASWJ. Ironinya, karya ini tidak memuatkan perbahasan *ilāhiyyāt*, *nubuwāt* dan *sam'iyyāt* sebagai tajuk-tajuk utama yang diperbincangkan sebagaimana lazimnya sesebuah karya akidah dihasilkan. Ia secara tidak langsung menimbulkan beberapa persoalan. Mengapa karya ini dikira sebagai karya akidah sedangkan tiga perbahasan utama akidah tidak diperbincangkan di dalamnya? Apakah isi kandungan yang terdapat di dalam karya tersebut? Apakah peranan dan kepentingan karya ini terhadap kajian-kajian akidah ASWJ? Oleh

yang demikian, kajian ini amat signifikan dan penting bertujuan mengkaji hubungkait karya ini dengan perbahasan akidah selain melihat peranan karya ini dalam kajian akidah.

## Metodologi

Penulisan ini dilakukan berdasarkan kajian kualitatif dengan metode analisis kandungan. Fokus dan analisis kajian dilakukan terhadap karya al-Sanūsī berjudul *al-Muqaddimāt* dan karya huraiannya berjudul *Sharḥ al-Muqaddimāt* yang kedua-duanya berperanan sebagai sumber primer dalam kajian ini. Selain dua karya tersebut, sumber-sumber lain berbentuk buku-buku dan bahan bercetak serta dokumen-dokumen digital juga didokumentasikan sebagai bahan kajian. Bagi tujuan penganalisisan data, dua metode analisis digunakan iaitu: [1] metode induktif dan [2] metode deduktif. Metode induktif digunakan ketika menganalisa kerangka umum *al-Muqaddimāt* dan karya huraiannya bagi menilai tema yang terkandung di dalamnya. Manakala metode deduktif diaplikasi ketika merumuskan isu-isu induk yang diperbahas di setiap bab dalam karya tersebut. Kedua-dua metode analisis ini melibatkan proses pembacaan dan penelitian bagi mengeluarkan data-data dan konsep-konsep tertentu terutama berkaitan tema dan isu perbincangan kajian akidah yang terdapat *al-Muqaddimāt*.

## Dapatkan dan Perbincangan

### 1. Pengenalan *al-Muqaddimāt*

Karya-karya akidah yang dihasilkan oleh al-Sanūsī amat terkenal serta mempunyai peranan besar terhadap setiap lapisan masyarakat Islam. Ia menunjukkan kesungguhan dan niat murni beliau dalam usaha mengeluarkan setiap lapisan umat Islam dari kegelinciran akidah kerana corak penulisan yang digunakan sesuai dengan penerimaan setiap golongan dalam masyarakat (Al-Sharfawī, 2019). *Al-Muqaddimāt* merupakan salah satu dari karya-karya akidahnya. Karya ini termasuk di dalam *al-silsilah al-'Aqdiyyah al-Sanūsiyyah* (rantaian karya akidah al-Sanūsī) yang menjadi rujukan penting dalam memahami pemikiran beliau dalam akidah. Perkara ini disebut dengan jelas dalam kenyataan al-Shafshāwanī (1397H) berikut:

*"Kelima-lima karya-karya akidahnya (al-Sanūsī) berserta karya-karya huraiian terhadapnya adalah penulisan ilmu Akidah yang paling baik dalam (sejarah) Islam. Ia terdiri dari al-Muqaddimāt, al-Šughrā, Šughrā al-Šughrā, al-Wusṭā dan al-Kubrā."*

*Al-Muqaddimāt* adalah karya yang dihasilkan al-Sanūsī selepas karyanya yang berjudul *al-Šughrā* atau lebih dikenali dengan panggilan *Umm al-Barāhīn*. Ini kerana, tujuan asal penulisan *al-Muqaddimāt* adalah sebagai karya susulan yang menjadi pengantar dan pelengkap kepada karya *Umm al-Barāhīn* (al-Mallālī, t.th.). Namun, oleh kerana penulisannya bersifat umum yang tidak terikat dengan isi kandungan *Umm al-Barāhīn*, maka faedah penulisan *al-Muqaddimāt* juga terpakai sebagai pembuka dan pengantar kepada semua karya-karya akidah (al-Saraquṣṭī, 2015; ). Sesuai dengan judul yang diberikan terhadap karya ini, iaitu *al-Muqaddimāt* yang bererti beberapa pendahuluan, ia berperanan sebagai karya pembuka dalam bidang akidah sebelum memasukinya dengan lebih jauh. Ini kerana, setiap penulisan dalam apa-apa bidang sekalipun memerlukan kepada pendahuluan dan pembuka yang dapat memberi pengenalan terutama terhadap istilah-istilah yang digunakan atau isu-isu yang diperkatakan di dalam sesbuah bidang (al-Sharfawī, 2019). Begitu juga keadaannya dalam penulisan yang berkaitan dengan akidah, suatu penulisan yang berperanan sebagai pengenalan kepada istilah-istilah dan isu-isu dalam akidah amat diperlukan.

Dapatkan ini membuktikan bahawa karya *al-Muqaddimāt* al-Sanūsī mempunyai hubungan yang signifikan dengan perbahasan akidah walaupun isi kandungan dan perbahasan di dalamnya berbeza dengan karya-karya akidah yang lain. Ia ibarat pintu untuk memasuki perbahasan akidah. Justeru, ia dikategorikan sebagai karya akidah adalah suatu yang tidak boleh disangkal. Manakala ia dikira sebagai karya tersendiri dan berasingan dari karya *al-Šughrā* (*Umm al-Barāhīn*) pula adalah disebabkan pembacaan karya tersebut tidak terikat dengan pembacaan karya *al-Šughrā* dalam isu-isu akidah yang diketengahkan di dalamnya sebagaimana yang dikatakan al-Sharfawī (2019):

*“Tidak semestinya perlu dipelajari karya al-‘Aqīdah al-Šughrā selepas mempelajari karya ini (al-Muqaddimāt). Bahkan ia (al-Muqaddimāt ini) adalah karya pembukaan yang diperlukan oleh setiap penuntut ilmu (akidah).”*

Dapat disimpulkan bahawa, karya berjudul *al-Muqaddimāt* ini adalah berperanan sebagai kunci bagi mengenali istilah-istilah penting yang berlebar dalam kebanyakan karya-karya akidah dan ilmu Kalam secara umum dan yang terkandung di dalam *al-‘Aqīdah al-Šughrā* secara khusus. Penulisannya bertujuan sebagai pemudah cara kepada mereka yang ingin berkecimpung dalam bidang tersebut selain ia mengetengahkan perbahasan-perbahasan penting yang tidak dinyatakan di dalam karya akidah *al-Sanūsī* yang lain. Sebagai contoh, perbincangan berkenaan sebab-sebab kekuatan dan jenis-jenis kesyirikan secara khusus dan utama dimuatkan di dalam karya ini sedangkan perbincangan berkenaan kedua-duanya di dalam karya lain hanya sebagai perbahasan cabangan yang bukan bersifat utama.


## 2. Tema dan Isu Induk Perbahasan Akidah dalam *Al-Muqaddimāt*

*Al-Muqaddimāt* merupakan karya ini kecil dan ringkas, namun ia adalah penulisan yang amat padat dengan faedah dan isi yang diperlukan dalam perbahasan akidah. Sesuai dengan judulnya *al-Muqaddimāt* (pendahuluan-pendahuluan), karya ini menghimpunkan sebanyak lapan (8) *muqaddimah* (pendahuluan) terpenting ilmu akidah yang perlu diketahui sebagai pembina kerangka umum pemikiran seorang Muslim yang berakidah Ahli Sunah Wal Jamaah. Setiap pendahuluan yang dinyatakan kemudiannya dihuraikan dalam sebuah karya susulan yang berjudul *Sharḥ al-Muqaddimāt*. Perbahasan dari setiap pendahuluan ini akan didatangkan di dalam penulisan ini satu persatu secara ringkas dengan memberi keutamaan kepada asas perbincangannya sahaja tanpa memuatkan kesemua pembahagian-pembahagian dan takrifan-takrifan yang disebutkan oleh *al-Sanūsī*.

Pertama, *muqaddimah* berkenaan hukum hakam. Definisi *al-Hukm* (hukum) menurut *al-Sanūsī* ialah pengisbatan sesuatu perkara atau penafianya. Menurutnya lagi, *al-hukm* juga boleh dipanggil dengan istilah *taṣdīq* kerana kedua-duanya mempunyai pengertian yang sama (*al-Sanūsī*, 2009). Beliau membahagikan hukum kepada tiga (*al-Sanūsī*, 2019) iaitu:


- i. *Al-Ahkām al-Shar‘iyah* (hukum Syar'i), iaitu *khiṭāb* Allah SWT yang bersangkutan dengan perbuatan mukalaf secara tuntutan (*talab*), pengharusan (*ibāhah*) atau penetapan (*wad'*). Contohnya seperti solat lima waktu adalah wajib.
- ii. *Al-Ahkām al-‘Ādiyyah* (hukum Adat) iaitu pengisbatan terhadap kaitan suatu perkara dengan perkara lain dalam bentuk wujud atau tidak wujud dengan perantaraan pengulangan yang boleh menerima perbezaan hasil dan boleh juga menerima ketidaan kesan pada salah satu dari dua perkara tersebut. Contoh hukum adat adalah seperti meminum ubat dapat melegakan sakit badan.
- iii. *Al-Ahkām al-‘Aqlīyyah* (hukum Akal) iaitu pengisbatan atau penafian terhadap suatu perkara yang tidak berhasil melalui keadaan yang berulang-ulang atau penetapan syarak. Contoh hukum akal seperti tujuh adalah bilangan ganjil.

Gambar rajah berikut menjelaskan pembahagian yang dibuat oleh *al-Sanūsī* untuk ketiga-tiga hukum yang dinyatakan:




Rajah 1. Pembahagian Hukum Syarie

Rajah 1 di atas menunjukkan pembahagian Hukum *Shar'iyyah*. Ia dibahagikan kepada tiga iaitu *Talab* (tuntutan), *Ibāhah* (pengharusan) dan *Waḍ'* (penetapan). Realitinya, 5 hukum *fiqh* iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram adalah diperoleh melalui pembahagian hukum ini.



Rajah 2. Pembahagian Hukum Adat

Rajah 2 pula menunjukkan pembahagian Hukum '*Adiyah*'. Ia dibahagikan kepada empat sebagaimana dinyatakan dalam rajah.



Rajah 3. Pembahagian Hukum Akal

Manakala rajah 3 pula menunjukkan pembahagian hukum '*Aqliyyah*'. Wajib pada akal bererti sesuatu yang pasti berlaku mengikut kelogikan akal bukan berdasarkan kekerapan ia berlaku. Manakala mustahil pada akal pula adalah sebaliknya iaitu sesuatu yang tidak mungkin berlaku berdasarkan kelogikan akal. Sementara harus pada akal ialah sesuatu yang berkebolehan untuk berlaku dan tidak berlaku secara sama rata berdasarkan kewajaran akal.

Kedua, *muqaddimah* berkenaan mazhab-mazhab dalam isu perbuatan makhluk. Perbuatan makhluk yang dimaksudkan ialah perbuatan sekalian haiwan (termasuk manusia) sama ada berakal mahupun tidak berakal (al-Sanūsī, 2009). Menerusi karya *al-Muqaddimāt*, al-Sanūsī menyebut terdapat tiga mazhab berbeza dalam membahaskan perbuatan makhluk iaitu: [1] *Jabriyyah*, [2] *Qadariyyah* dan [3] *Ahl al-Sunnah* (Ahli Sunah Wal Jamaah).

Menurut *Jabriyyah*, kewujudan semua perbuatan makhluk adalah hanya dengan sebab kudrat (*qudrat*) azali tanpa penyertaan *qudrat* baharu. Hamba atau makhluk tidak memiliki apa-apa kekuatan yang berkait dengan perbuatannya. *Qadariyyah* pula mengatakan bahawa kewujudan semua perbuatan yang bersifat pilihan (*ikhtiyariyyah*) daripada makhluk adalah hanya disebabkan *qudrat* baharu sama ada ia berlaku secara langsung (*mubāsharah*) mahupun secara rentetan (*tawallud*). Makhluk secara bebas (*istiqlāl*) dan tidak terikat, dapat melakukan apa-apa perbuatan yang bersifat *ikhtiyariyyah* melalui *qudrat* yang dicipta pada dirinya. Kedua-dua pandangan ini merupakan pandangan yang tersasar dari pegangan ASWJ (al-Sanūsī, 2019).

Manakala mazhab Ahli Sunah Wal Jamaah pula mengatakan, seluruh perbuatan makhluk yang berlaku hanyalah disebabkan *qudrat* azali yang disertakan *qudrat* baharu. Penyertaan *qudrat* baharu itu pula bukan sebagai pemberi kesan sama ada secara langsung (*mubāsharah*) mahupun secara rentetan (*tawallud*). Oleh yang demikian, Allah SWT adalah *Khāliq* (Pencipta) kepada perbuatan kerana *qudrat*-Nya yang memberi kesan kepada kewujudan perbuatan. Sedang hamba pula adalah *kāsib* (pelaku) kepada perbuatan kerana wujud

perbuatannya bersertaan dengan *qudrah* baharu darinya (al-Sanūsī, 2019; al-Nawawī, 2020). Dapat dilihat dengan jelas bahawa mazhab ASWJ dalam isu ini menengahi antara mazhab *Jabriyyah* dan mazhab *Qadariyyah*.

Ketiga, *muqaddimah* berkenaan jenis syirik. Pada *muqaddimah* ini, al-Sanūsī mengetengahkan suatu isu yang tidak kurang pentingnya dalam perbincangan akidah iaitu berkenaan jenis-jenis syirik. Kesyirikan adalah suatu yang bertentangan dengan maksud dan tujuan ketauhidan (Khalif Muammar, 2013). Justeru, menjadi antara perbincangan utama dalam karya *al-Muqaddimāt* sekaligus dalam memahami kerangka akidah ASWJ adalah suatu yang tidak perlu dipersoalkan. Menurut al-Sanūsī, terdapat enam jenis syirik. Empat daripadanya dihukumkan kufur dengan kesepakatan ulama. Satu daripadanya tidak dihukumkan kufur sebaliknya sebagai maksiat dan dosa. Manakala satu lagi jenis syirik memerlukan perincian dan hukum terhadapnya berbeza mengikut perincian tersebut (al-Sanūsī, 2019).

Jadual 1. Jenis-jenis Syirik Menurut al-Sanūsī

Jenis Syirik	Pengertian	Hukum
1) <i>Istiqlāl</i>	Mensabitkan dua tuhan (atau lebih) sebagai tuhan yang berasingan seperti syirik orang Majusi.	Kufur
2) <i>Tab ‘id</i>	Penyusunan atau penyatuan tuhan daripada beberapa tuhan seperti syirik orang Nasrani.	Kufur
3) <i>Taqrīb</i>	Ibadah kepada sesuatu selain Allah dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah seperti syirik golongan Jahiliyyah yang awal.	Kufur
4) <i>Taqlīd</i>	Ibadah kepada sesuatu selain Allah kerana mengikuti orang lain seperti syirik golongan Jahiliyyah yang terkemudian.	Kufur
5) <i>Asbāb</i>	Penyandaran suatu kesan terhadap sebab tertentu yang bersifat adat seperti syirik golongan Falsafah dan Naturalis.	Perincian
6) <i>Aghrād</i>	Beramal kerana selain Allah SWT	Berdosa

Perincian hukum berkaitan syirik *Asbāb* seperti berikut; [1] dihukumkan kufur secara ijmak apabila diiktikadkan bahawa segala asbab memberi kesan secara tabii, [2] dihukumkan fasiq dan bidaah apabila diiktikadkan bahawa asbab tersebut memberi kesan melalui kekuatan yang diberikan oleh Allah SWT padanya. Namun terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa keadaan kedua ini juga dihukumkan kufur (al-Sanūsī, 2019). Melalui pembahagian syirik ini, dapat disimpulkan bahawa Ahli Sunah Wal Jamaah tidak terus menghukum kufur (*takfīr*) secara mutlak terhadap pelaku syirik. Bahkan perlu kepada penilaian terhadap jenis-jenis syirik yang wujud terlebih dahulu. Hubungan syirik dan kufur bukan sinonim yang boleh diberikan hukum dan natijah yang sama kerana terdapat syirik yang tidak mencapai tahap kekuferan. Begitu juga terdapat kekuferan yang tidak berpunca dari kesyirikan. Pemahaman menyama-ratakan kedua-duanya dan perbuatan *takfīr* tanpa sebarang penilaian yang benar adalah terkeluar dari manhaj akidah ASWJ.

Keempat, *muqaddimah* berkenaan usul kufur dan bidaah. Disebabkan kebanyakannya dari jenis syirik yang dinyatakan al-Sanūsī adalah dihukumkan sebagai kufur, beliau mendatangkan pada *muqaddimah* yang keempat perbincangan berkenaan usul-usul kekuferan agar nisbah hubungan antara syirik dan kufur dapat dijelaskan dengan lebih lanjut. Menurut beliau (al-Sanūsī, 2019), terdapat tujuh usul bagi kufur dan bidaah sebagaimana berikut:

- Al-Ījāb al-Dhātī*: Penyandaran penciptaan alam kepada Allah SWT atas hubungan sebab-akibat atau tabii tanpa sebarang pilihan.
- Al-Taḥsīn al-‘Aqlī*: Keadaan perbuatan Allah SWT dan segala hukum-Nya bergantung kepada sesuatu tujuan yang boleh difikirkan melalui akal iaitu membawa kebaikan dan menolak keburukan.
- Al-Taqlīd al-Radī*: Mengikuti orang lain atas dasar mahukan perlindungan atau ketaksuhan tanpa sebarang pencarian kebenaran.
- Al-Rabṭ al-Ādī*: Pengisbatan terhadap kemestian dalam hal kewujudan atau ketidakwujudan antara suatu perkara dengan perkara lain yang berlaku secara berulang-ulang.
- Al-Jahl al-Murakkab*: Jahil terhadap kebenaran dan jahil terhadap kejahilan tersebut.


- vi. Berpegang dalam hal akidah semata-mata pada zahir al-Quran dan Sunah tanpa memperincikan di antara perkara yang zahirnya mustahil dan sebaliknya.
- vii. Jahil terhadap kaedah-kaedah hukum akal iaitu ilmu tentang kewajipan perkara yang wajib, keharusan perkara yang harus dan kemustahilan perkara yang mustahil. Begitu juga jahil tentang bahasa Arab iaitu ilmu berkenaan penggunaan bahasa, *i'rāb* dan *bayān*.

Sebahagian daripada keyakinan yang dinyatakan boleh menatijahkan hukum kufur yang disepakati iaitu pada usul yang pertama hingga yang keempat. Manakala usul yang selebihnya menatijahkan hukum kufur yang diperselisihan ulama berdasarkan perincianya (al-Sanūsī, 2009). Pengkaji melihat bahawa isu kufur, *takfir* dan tuduhan bidaah adalah isu yang menjadi pembeza utama di antara manhaj Ahli Sunah Waljamaah dan manhaj kelompok-kelompok lain selainnya yang sesat dan menyeleweng. Oleh yang demikian, mengetengahkan perbahasan ini adalah suatu yang amat penting, signifikan dan sesuai dengan realiti setiap zaman.

Kelima, *muqaddimah* berkenaan pembahagian perkara wujud. Dalam *muqaddimah* ini, al-Sanūsī membentangkan perbincangan berkenaan pembahagian perkara wujud. Menurut beliau (al-Sanūsī, 2019), perkara yang wujud dari aspek *mahall* dan *mukhaṣṣis* dapat dibahagikan kepada empat bahagian iaitu: [1] Sesuatu yang tidak memerlukan *mahall* dan *mukhaṣṣis* (pengkhusus) iaitu zat Allah SWT; [2] Sesuatu yang memerlukan *mahall* dan *mukhaṣṣis* iaitu *a'rād*; [3] Sesuatu yang memerlukan *mukhaṣṣis* tetapi tidak memerlukan *mahall* iaitu jirim-jirim dan [4] Sesuatu yang wujud pada *mahall* tetapi tidak memerlukan *mukhaṣṣis* iaitu sifat-sifat Allah.

Maksud di sebalik perkataan *mahall* ialah zat yang bertempat padanya sifat-sifat. Ia bukan memberi makna tempat yang menggambarkan kedudukan bagi jisim-jisim tertentu. Manakala *mukhaṣṣis* pula bererti zat yang mengkhususkan penciptaan sesuatu perkara harus terhadap perkara *mumkin* tersebut. Seperti mengkhususkan penciptaan kewujudan selepas ketidakwujudan bagi sesuatu. Atau seperti mengkhususkan penciptaan kewujudan gerak bagi sesuatu yang sebelumnya tiada gerakan. Dalam konteks ini, *al-mukhaṣṣis* yang dimaksudkan ialah Allah SWT. Al-Sanūsī menyebut pengenalan dan pendahuluan berkenaan perkara-perkara wujud ini selepas perbincangan mengenai kufur kerana terdapat kekuatan yang berlaku adalah berpuncu dari kesalahfahaman tentang realiti sebenar perkara-perkara wujud (Fūdah, 2022).

Keenam, *muqaddimah* berkenaan perkara *mumkin*. *Muqaddimah* ini, al-Sanūsī menyentuh tentang perkara-perkara *mumkin*. Perkara yang *mumkin* ialah sesuatu yang boleh ada dan boleh tidak ada secara hakikat dirinya. Ia boleh berubah daripada tiada kepada ada atau sebaliknya (Muhadir bin Joll, 2021). Apabila perkara *mumkin* diciptakan Allah SWT, maka ia dipanggil makhluk sama ada dalam bentuk *jawhar* maupun *a'rād*. *Muqaddimah* keenam ini menjadi pendahuluan dalam menerangkan apakah pecahan perkara *mumkin* serta menjelaskan kebolehannya berubah-ubah dan kebergantungannya kepada *al-mukhaṣṣis*. Enam perkara *mumkin* menurut al-Sanūsī adalah seperti berikut:



Rajah 4. Enam Perkara *Mumkin*

Rajah 4 menunjukkan perkara-perkara *mumkin* dibahagikan kepada enam yang kesemuanya berlaku dan terikat pada diri sekalian makhluk. Justeru, ia sendiri merupakan bentuk-bentuk ciptaan Allah SWT. Ketujuh, *muqaddimah* berkenaan sifat yang azali. Di dalam karya *al-Muqaddimāt*, sifat-sifat yang diketengahkan oleh al-Sanūsī pada *muqaddimah* yang ketujuh ini hanya berkaitan sifat-sifat *Ma'āni* iaitu [1]

*al-Qudrah*, [2] *al-Irādah*, [3] *al-'Ilm*, [4] *al-Hayāt*, [5] *al-Sam'*, [6] *al-Baṣar* dan [7] *al-Kalām*. Kesemua sifat *Ma'ānī* tersebut kemudiannya diberikan penjelasannya secara ringkas. Namun al-Sanūsī memuatkan keseluruhan dua puluh sifat yang wajib bagi Allah SWT di dalam karya huraiannya terhadap *al-Muqaddimāt*. Ini menunjukkan bahawa keseluruhan dua puluh sifat tersebut merupakan sifat-sifat Azali menurut al-Sanūsī. Ia secara langsung menjadi pendirian ASWJ. Menurut pengkaji, tindakan al-Sanūsī yang hanya memuatkan perbincangan sifat *Ma'ānī* sahaja di dalam *al-Muqaddimāt* kerana beliau ingin membuat penolakan secara khusus terhadap golongan Muktazilah yang menafikan sifat-sifat tersebut pada hak Allah SWT (al-Sanūsī, 2009). Oleh yang demikian, beliau mengutarakan jawab balas terhadap pendirian golongan tersebut dalam perbahasan ini satu persatu di dalam karyanya *Sharḥ al-Muqaddimāt*.

Kelapan, *muqaddimah* berkenaan sifat amanah para rasul. Pada *muqaddimah* yang terakhir ini, al-Sanūsī membawa perbincangan berkenaan sifat amanah bagi para rasul yang diutuskan oleh Allah SWT. Beliau mengatakan bahawa amanah ialah pemeliharaan kesemua anggota badan yang zahir mahupun yang batin daripada terjerumus kepada larangan sama ada larangan tersebut berbentuk pengharaman mahupun berbentuk makruh. Manakala khianat pula ialah suatu yang berlawanan dengan takrifan amanah (al-Sanūsī, 2009).

### 3. Peranan Dan Kepentingan *Al-Muqaddimāt* Sebagai Kerangka Akidah Ahli Sunah Waljamaah

Terdapat tiga (3) kepentingan yang diperolehi pengkaji melalui penulisan karya *al-Muqaddimāt*. Pertama ialah ia berperanan dalam memberi takrifan terhadap istilah-istilah penting dalam akidah. Penggunaan istilah-istilah tertentu adalah suatu keperluan dalam apa jua bidang ilmu. Ia ibarat kunci terhadap suatu pemahaman yang luas disebaliknya. Kepelbagaiannya istilah yang digunakan dalam sesuatu ilmu tertentu merujuk kepada keluasan dan kepelbagaiannya ruang kajian bagi ilmu tersebut. Ia sekaligus boleh membawa kekeliruan apabila tidak diberikan penjelasannya. Di antara perkara yang menjadi tuntutan terhadap mukalaf ialah memahami syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Pemahaman terhadapnya tidak akan menjadi sempurna tanpa mengenali dan memahami istilah-istilah yang sabit di dalam agama melalui al-Quran dan Hadis. Bahkan istilah-istilah yang dibentuk oleh para ulama juga berfaedah dalam memberi kefahaman tersebut (al-'Utaybī, 2009).

Al-Quran dan Hadis sendiri memberikan penegasan untuk mengambil berat dalam penggunaan istilah dan lafadz dalam agama dengan tepat tanpa wujud sebarang kemungkinan yang boleh membawa salah faham. Perkara ini dapat difahami melalui firman Allah di dalam surah al-Baqarah (2:104) seperti berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقُولُوا رَاعِنَا وَقُولُوا انْظُرْنَا وَاسْمَعُوا وَلِكُلَّ كَافِرٍ يَنْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

*Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengatakan rā'inā, (ketika kamu berkata-kata dengan Nabi Muhammad), sebaliknya katakanlah: unzurnā, dan dengarlah kamu (segala perintah dengan sebulat hati menerimanya); dan (ingatlah, bahawa) orang-orang kafir itu akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.*

Al-Qurṭubī (w. 671H) menafsirkan ayat ini dengan menukilkan penerangan dari seorang Sahabat bernama Ibn 'Abbās. Beliau berkata bahawa lafadz rā'inā dalam bahasa Arab membawa pengertian *lihatlah kami dengan penuh rasa pertimbangan*. Tetapi lafadz yang sama membawa makna caci dan celaan mengikut pengertian bahasa Ibrani (bahasa orang Yahudi). Apabila para Sahabat mengucapkan perkataan itu terhadap Rasulullah SAW, orang-orang Yahudi akan bergelak ketawa sesama mereka kerananya. Maka turun ayat al-Quran memerintahkan para Sahabat menukar lafadz tersebut kepada lafadz unzurnā (al-Qurṭubī, 2006). Penggunaan istilah yang tepat dan terhindar dari sebarang salah faham juga dibuktikan melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim (al-Nawawī, 2020) seperti berikut:

قَسَمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَسْمًا فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَعْطِ فُلَانًا فَإِنَّهُ مُؤْمِنٌ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوْ مُسْلِمٌ أَفُوْلُهَا ثَلَاثًا وَبِرْدَهَا عَلَى ثَلَاثًا أَوْ مُسْلِمٌ

*Maksudnya: Rasulullah SAW membahagikan harta kepada beberapa orang (muallaf). Lalu aku (Sa'd) berkata: Wahai Rasulullah, tuan berilah juga kepada si fulan ini kerana sesungguhnya dia seorang yang beriman. Maka*

*Rasulullah SAW bersabda: Atau dia seorang Islam? Aku mengulangi pertanyaanku tiga kali dan begitu juga Rasulullah SAW juga menjawab dengan jawapan yang sama sebanyak tiga kali (Muslim, 2007).*

Di dalam hadis ini, Rasulullah SAW mengutamakan pengagihan harta kepada mereka yang baru memeluk Islam atas tujuan memperkuatkan hati mereka dalam keislaman. Lelaki yang tidak diberikan harta tersebut ialah seorang sahabat yang kukuh keimanannya sebagaimana pengiktirafan Sa'd terhadapnya di dalam hadis tersebut. Atas faktor itu, dia tidak diberikan pemberian harta zakat, bukan disebabkan dia seorang yang kafir atau tidak beriman (al-Nawawī, 2020). Di dalam hadis ini, Rasulullah menegur Sa'd agar tidak menggunakan istilah Mukmin secara jazam terhadap seseorang yang tertentu kerana keimanan adalah suatu perkara dalaman yang hanya diketahui oleh Allah SWT. Oleh yang demikian, Rasulullah SAW mengajar sahabat berkenaan agar menggunakan istilah Muslim kerana ia lebih umum dan merujuk kepada zahir diri seseorang (al-Nawawī, 2020).

Melalui al-Quran dan Hadis yang didatangkan, menjelaskan keperluan istilah dan kepentingan penggunaannya dengan benar dan tepat. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa para ulama begitu mengambil berat dalam perletakan istilah lebih-lebih lagi istilah yang digunakan dalam akidah dan pemikiran (al-'Utaybī, 2009). Dalam ilmu akidah, terdapat sekian banyak istilah yang digunakan. Melalui karya *al-Muqaddimāt*, al-Sanūsī memuatkan sebanyak 40 istilah penting dalam akidah melalui kesemua *muqaddimah* yang beliau datangkan. Istilah-istiah tersebut ialah: [1] *al-Hukm*, [2] *al-Shar'i*, [3] *al-Ījāb*, [4] *al-Nadb*, [5] *al-Tahrīm*, [6] *al-Karāhah*, [7] *al-Ibāhah*, [8] *al-Wad'*, [9] *al-Sabab*, [10] *al-Shart*, [11] *al-Māni'*, [12] *al-Hukm al-'Ādī*, [13] *al-Hukm al-'Aqlī*, [14] *al-Wājib*, [15] *al-Mustahīl*, [16] *al-Jā'iz*, [17] *al-Kasb*, [18] *Shirk Istiqlāl*, [19] *Shirk Tab'i*, [20] *Shirk Taqrīb*, [21] *Shirk Taqlīd*, [22] *Shirk al-Asbāb*, [23] *Shirk al-Aghrād*, [24] *al-Ījāb al-Dhātī*, [25] *al-Taḥsīn al-'Aqlī*, [26] *al-Taqlīd al-Rādī*, [27] *al-Rabit al-'Adī*, [28] *al-Jahl al-Murakkab*, [29] *al-Qudrah al-Azaliyyah*, [30] *al-Irādah*, [31] *al-'Ilm*, [32] *al-Hayāh*, [33] *al-Sam' al-Azalī*, [34] *al-Kalām al-Azalī*, [35] *al-Khabar*, [36] *al-Inshā'*, [37] *al-Śidq*, [38] *al-Kadhib*, [39] *al-Amānah* dan [40] *al-Khiyānah*. Istilah-istiah ini kemudiannya diberikan takrifan secara ringkas dan padat serta dihurai dengan panjang lebar melalui karya susulannya berjudul *Sharh al-Muqaddimāt*.

Kedua, karya ini berperanan sebagai pemangkin dalam mengetengahkan permasalahan utama akidah. Peranan terpenting karya *al-Muqaddimāt* ini ialah usaha al-Sanūsī dalam mengetengahkan permasalahan utama akidah yang menjadi dasar kepada pelbagai lagi perbincangan cabangan dalam akidah. Walaupun ia adalah sebuah karya yang pendek dan ringkas, namun setiap satu *muqaddimah* yang dinyatakan merupakan induk kepada pelbagai permasalahan lain yang diperbahas dengan panjang lebar. Berikut disenaraikan beberapa permasalahan akidah yang diterbitkan serta diperbahas dengan lebih lanjut selain daripada permasalahan yang sememangnya disebutkan dari setiap *muqaddimah* yang dikemukakan:

Jadual 2. Perbahasan dan Permasalahan Utama dalam Akidah yang diterbitkan melalui setiap *Muqaddimah*.

<b><i>Muqaddimah</i></b>	<b><i>Permasalahan</i></b>
Pertama	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Pengingkaran hukum syarii yang bersifat <i>darūrī</i> dan yang tidak bersifat <i>darūrī</i>.</li> <li>2) Sasaran <i>khiṭāb</i> al-Quran dan hukum syarii.</li> <li>3) <i>Ta'alluqāt</i> kalam yang <i>qadīm</i>.</li> <li>4) Perbahasan hukum adat.</li> <li>5) Perbahasan wajib '<i>aqlī</i>', mustahil '<i>aqlī</i>' dan harus '<i>aqlī</i>'.</li> </ol>
Kedua	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Perbahasan <i>al-Af'āl al-Ikhtiyariyyah</i>.</li> <li>2) Perbahasan <i>al-Af'āl al-Mubāsharah</i> dan <i>al-Mutawalladah</i></li> <li>3) Pecahan mazhab <i>Jabriyyah</i> dan <i>Qadariyyah</i></li> <li>4) Perbezaan di kalangan tokoh Ahli Sunah Wal Jamaah berkenaan <i>al-Qudrah al-Hādithah</i>.</li> <li>5) Perbahasan <i>Kasab</i>.</li> </ol>
Ketiga	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Akidah ketuhanan orang Majusi.</li> <li>2) Akidah ketuhanan orang Nasrani.</li> <li>3) Akidah ketuhanan masyarakat Jahiliyyah.</li> <li>4) Perbahasan tawassul.</li> <li>5) Perselisihan tokoh Ahli Sunah Wal Jamaah berkenaan <i>takfir</i> terhadap sebahagian syirik.</li> <li>6) Perbahasan ikhlas.</li> </ol>

Keempat	1) Perbahasan kufur dan bidah. 2) Perbezaan kufur dan syirik. 3) Kerosakan kepercayaan golongan falsafah terhadap corak penciptaan alam. 4) Perbezaan perbuatan berlaku dengan ' <i>illah</i> , <i>tabii</i> dan <i>ikhtiyar</i> . 5) Menolak muktazilah berkenaan usul kewajipan <i>al-Salih wa al-Aṣlaḥ</i> atas Allah SWT. 6) Perbuatan Allah SWT tanpa <i>Aghrād</i> . 7) Penilaian baik dan buruk. 8) Perbahasan iman taklid. 9) <i>Mushabbihah</i> dan <i>Mujassimah</i> . 10) Perbahasan <i>Tafwīd</i> dan <i>Ta'wīl</i> . 11) Kepentingan ilmu akal dan bahasa Arab.
Kelima	1) Perbahasan <i>Mukhaṣṣiṣ</i> dan <i>Maḥall</i> . 2) Perbahasan sifat, <i>a'rād</i> dan jirim.
Keenam	1) Perbahasan sifat <i>al-Mukhālafah Lī al-Hawādith</i> . 2) Perbahasan <i>al-Maqulāt al-'Ashr</i>
Ketujuh	1) Perbahasan 20 sifat wajib bagi Allah SWT. 2) <i>Ta'alluq</i> sifat. 3) Perbahasan Kalam Allah SWT. 4) Pendirian Muktazilah terhadap sifat <i>Ma'ānī</i> .
Kelapan	1) Perbahasan sifat wajib, mustahil dan harus bagi rasul. 2) Perbahasan Mukjizat. 3) Perbahasan <i>'Ismah al-Anbiyā'</i> .

Perbahasan dan permasalahan yang dinyatakan di atas adalah mengikut penilaian dan pengamatan pengkaji terhadap karya *al-Muqaddimāt*. Dapat disaksikan bahawa perbincangan penting dalam akidah hampir keseluruhannya dilibatkan melalui kesemua *muqaddimah* yang dinyatakan oleh al-Sanūsī. Oleh yang demikian, pemahaman terhadap isu-isu akidah yang disenaraikan menerusi manhaj akidah Ahli Sunah Waljamaah amat bergantung kepada penguasaan sempurna terhadap kesemua *muqaddimah* yang didatangkan.

Ketiga, karya ini memberi asas yang jelas terhadap permasalahan kufur dan syirik. Antara fenomena yang meruncingkan akhir-akhir ini ialah berkenaan isu *takfīr*, tuduhan syirik dan seumpamanya. Ia realitinya adalah suatu isu yang sudah wujud sejak sekian lama. Namun, saban masa ditonjolkan kerana revolusi pengamalan dan aktiviti keagamaan masyarakat Islam yang sentiasa berkembang sesuai dengan peredaran zaman menyebabkan hukum-hukum berkenaannya diperbincangkan. Isu ini seterusnya membawa ketegangan kerana wujud perbezaan persepsi terhadap terminologi bagi istilah kufur dan syirik ini. Campur tangan dari pihak-pihak tertentu yang terpesong dari manhaj akidah ASWJ berjaya menghidupkan suasana *takfīr* dalam masyarakat yang amat merugikan.

Perbahasan berkenaan kufur dan syirik adalah amat penting. Kekufuran menatijahkan akibat yang berat di akhirat iaitu pengekalan di neraka. Justeru, *takfīr* terhadap sesama masyarakat Islam juga merupakan suatu yang amat berat di sisi agama. Ia tidak dibenarkan untuk dilakukan dengan sewenang-wenangnya tanpa memahami perbahasan kufur dan syirik dengan benar dan menyeluruh. Kerangka penting dalam memahami isu kufur dan syirik berdasarkan manhaj akidah ASWJ dapat dilihat melalui karya *al-Muqaddimāt* ini kerana kedua-duanya diperbincangkan secara khusus di dalamnya serta diuraikan oleh al-Sanūsī sendiri di dalam karya huraiannya. Sebutan berkenaan kedua-duanya terdapat di dalam *muqaddimah* yang ketiga dan keempat sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini pada bahagian kandungan karya *al-Muqaddimāt*.

Melalui kesemua dapatan itu, beberapa perkara dapat disimpulkan berdasarkan kefahaman akidah ASWJ. Pertama, kufur adalah lebih khusus berbanding syirik (al-Saraqusī, 2015). Ini adalah kerana terdapat jenis syirik yang tidak dihukumkan kufur sebagaimana syirik *aghrahād* iaitu syirik yang berlaku disebabkan beramal dengan sesuatu amalan kerana selain Allah SWT. Ia merupakan suatu kemaksiatan yang disebut sebagai riyak. (al-Sanūsī, 2009). Punca yang mendorong berlaku kesyirikan ini ialah lupa dan alpa dalam mentauhidkan Allah SWT dalam perbuatan (al-Sanūsī, 2009).

Kedua, kekufuran boleh berlaku melalui ucapan dan juga melalui perbuatan. Ucapan yang boleh membawa kekufuran ialah pengingkaran terhadap sesuatu dalam agama yang disepakati dan terdapat nas yang

jelas berkenaan sama ada ucapan itu keluar dari keyakinan hati, kedegilan atau sikap mempermain-mainkan. Sementara perbuatan yang membawa kekuaran pula ialah perbuatan yang menunjukkan pengingkaran terhadap kesahihan Islam yang dilakukan dengan sengaja seperti bersujud kepada berhala, membuang mashaf al-Quran ke tempat kotor dan seumpamanya (Fūdah, 2022).

Ketiga, kekuaran terbahagi kepada empat. Iaitu [1] Kufur *Inkār*: mengingkari dengan hati dan lisan serta tidak mengiktiraf ketauhidan yang dinyatakan kepadanya. [2] Kufur *Juhud*: mengetahui dan mengiktiraf ketauhidan di dalam hati namun tidak mahu memperakuinya pada lisan seperti kekuaran iblis. [3] Kufur *Inād*: mengetahui dan mengiktiraf ketauhidan di dalam hati serta memperakuinya pada lisan tetapi enggan menerima keimanan seperti kekuaran Abī Ṭalib. [4] Kufur *Nifāq*: memperakui ketauhidan pada lisan tetapi ingkar di dalam hati sebagaimana kekuaran golongan munafik di zaman Nabi SAW. Keempat-empat kukufuran ini merupakan dosa yang tidak akan diampunkan apabila pelakunya kembali kepada Allah SWT dalam keadaan memikul salah satu daripadanya (Fūdah, 2022).

Keempat, kekuaran tidak disabitkan semata-mata melalui percanggahan terhadap syariat bahkan kekuaran disabitkan apabila berlaku pengingkaran dan pendustaan terhadap syariat (Fūdah, 2022). Oleh yang demikian, pelaku dosa besar seperti membunuh, meninggalkan solat dan selainnya dari kalangan orang Islam masih kekal dikira sebagai seorang yang beriman yang lemah keimanannya. Urusannya di akhirat sepenuhnya diserahkan kepada Allah SWT sama ada dia diampunkan lalu terus dimasukkan ke dalam syurga atau dia dimasukkan terlebih dahulu ke dalam neraka dalam suatu jangka masa tertentu sebelum akhirnya dimasukkan ke dalam syurga. Namun, apabila pelaku dosa tersebut melakukan dosa yang dimaklumi hukumnya secara pasti dalam keadaan mengingkari dan menafikan hukum hakam syariat, dia dihukumkan sebagai kafir dan terkeluar dari *millah* melainkan dia seorang yang baru memeluk Islam atau tinggal di pendalaman yang jauh dari sebab-sebab yang boleh menghilangkan kejahlannya (al-Nawawī, 2020). Justeru, tidak dibenarkan untuk mengkafirkan *ahl al-qiblah* selagi dia tidak melakukan apa-apa perkara yang mewajibkan kufur. Bahkan haram mengkafirkan *ahl al-qiblah* dari kalangan pelaku bidaah *i'tiqādiyyah* selagi bidaahnya berlaku di atas takwilan dan bidaah itu tidak termasuk dalam perkara yang diketahui hukumnya secara pasti. Ini kerana, takwil adalah suatu yang *shubhah* (kesamaran) (Fūdah, 2022).

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, karya al-Sanūsī berjudul *al-Muqaddimāt* ini merupakan karya yang amat berperanan dalam menonjolkan pembinaan kerangka akidah Ahli Sunah Waljamaah yang dibentang melalui asas-asas yang menyeluruh. Berbeza dengan karya-karya akidah yang lain, pendekatan penulisan dalam karya ini memuatkan lapan pendahuluan (*muqaddimah*) ilmu akidah yang penting. Setiap satu *muqaddimah* yang dipersembahkan merupakan tunjang kepada pemikiran akidah yang perlu difahami dengan jelas bagi sesiapa yang ingin mendalami akidah dengan lebih jauh. Oleh kerana itu, karya ini berada dalam rantaian karya-karya penting ilmu Akidah.

Justeru, pemerhatian terhadap kerangka akidah Ahli Sunah Waljamaah melalui karya *al-Muqaddimāt* ini amat signifikan bagi melihat bagaimana perbahasan-perbahasan akidah seterusnya diperhalusi. Oleh yang demikian, pengkaji melihat bahawa kajian-kajian susulan amat wajar dilakukan terhadap karya tersebut dengan mengkhususkan kajian terhadap *muqaddimah-muqaddimah* tertentu atau isu-isu tertentu melalui satu per satu *muqaddimah* yang diutarkan. Selain itu, pengkaji menilai bahawa pendedahan isi kandungan *al-Muqaddimat* ini kepada mereka yang ingin berkecimpung dalam pengajian akidah adalah amat penting. Justeru adalah amat dicadangkan agar karya ini dijadikan sukan pengajian Akidah sama ada di peringkat universiti, kolej atau di peringkat sekolah dengan menyesuaikan isu perbahasan mengikut peringkat-peringkat pengajian.

**Penghargaan:** Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana membiayai penyelidikan ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dengan kod: FRGS/1/2022/SSI11/UKM/02/18.

**Persetujuan Termaklum:** persetujuan telah diperoleh daripada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini.

**Konflik Kepentingan:** Penulis mengakui bahawa tiada sebarang konflik kepentingan wujud antara semua pihak yang terlibat dalam kajian ini.

## Rujukan

- Al-Dusūqī, Muhammad bin Ahmad. (2020). *Hashiyah al-dusūqī ‘alā sharh umm al-barāhīn*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Mallālī, Muhammad bin Ibrāhīm bin ‘Umar. (t.th.). *Al-Mawāhib al-qudsiyyah*. Dār al-Kutub al-Waṭaniyyah.
- Al-Nawawī, Muhyī al-Dīn Abī Zakariyya Yahyā bin Sharaf. (2020). Māzin bin Muhammad al-Sirsāwī (pnyt.). *Sharh saḥīḥ muslim*. Jilid 2 & 3. Dār al-Minhāj al-Qawīm.
- Al-Qurān Al-Karīm. (2000). *Al-Qurān darul imān*. Pustaka Darul Iman.
- Al-Qurtubī, Muhammad Bin Ahmad bin Abī Bakr. (2006). *Tafsīr al-qurtubī al-jāmi‘ li ahkām al-qur’ān*. Jilid 2. Mu’assasah al-Risālah.
- Al-Sanūsī, Muhammad bin Yūsuf. (2009). *Sharh al-muqaddimāt*. Sa‘īd ‘Abd al-Latīf Fūdah (pnyt.). Mu’assasah al-Ma‘ārif.
- Al-Sanūsī, Muhammad bin Yūsuf. (2019). *Al-Muqaddimāt*. Terj. Hilmi Marjunit. Apologia PLT.
- Al-Sanūsī, Muhammad bin Yūsuf. (2019). *Sharh al-‘aqīdah al-kubrā*. Anas Muhammad ‘Adnān al-Sharfawī (pnyt.). Dār al-Taqwā.
- Al-Sanūsī, Muhammad bin Yūsuf. (2019). *Sharh wāsiyah al-sulūk*. Nizār Hammādī (pnyt.). Dār al-Imām Ibn ‘Arafah.
- Al-Saraqusṭī, Abū Ishāq Ibrāhīm ibn Abī al-Ḥasan ‘Alī al-Bannānī. (2015). *Al-Mawāhib al-rabbāniyyah fī sharh al-muqaddimāt al-sanūsiyyah*. Kashīdah lī al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Al-Shafshāwanī, Muhammad bin ‘Askar al-Ḥasanī. (1397H). *Dawhah al-nāshir li mahāsin man kāna bī al-Maghrib min mashā’ikh al-qarn al-‘āshir*. Dār al-Maghrib.
- Al-Sharfawī, Anas Muhammad. (2019). Muqaddimah al-muhaqqiq. Dalam Al-Sanūsī, Abū ‘Abdillah Muhammad bin Yūsuf. *Sharh al-Muqaddimāt*. Anas Muhammad ‘Adnān al-Sharfawī (pnyt.). Dār al-Taqwā.
- Al-‘Utaybī, Sa‘ūd bin Sa‘d bin Numara. (2009). *Dawābiṭ isti‘māl al-muṣṭalaḥāt al-‘aqdiyyah wa al-fikriyyah ‘ind Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Markaz al-Ta’ṣīl li al-Dirāsāt wa al-Buhūth.
- Āmāl Nāṣir Faḍl. (2022). The danger of unbelief and polytheism in God in the light of the noble quran. *International Islamic Sciences Journal*, 6(2), 80-113. <http://ojs.mediu.edu.my/index.php/IISJ/article/view/3762>
- Engku Wok Zin Engku Ku Hassan & Mohd Fauzi Hamat (2009). (2009). Pengaruh Umm al-Barahin karangan Al-Sanusi dalam penulisan karya akidah di alam Melayu. *Jurnal Usuluddin*, 30 (1), 1–31. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/7331>
- Fūdah, Sa‘īd ‘Abd al-Laṭīf. (2009). Muqaddimah al-muhaqqiq. Dlm al-Sanūsī Muhammad bin Yūsuf. *Sharh al-Muqaddimāt*. Mu’assasah al-Ma‘ārif.
- Fūdah, Sa‘īd ‘Abd al-Laṭīf. (2022). *Al-Sharh al-jadīd ‘alā muqaddimāt al-Sanūsī*. al-Aşlayn li al-Dirāsāt wa al-Nashr.
- Khadijah Mohd Khambali & Mohd Zaidi Daud. (2022). Pemerkasaan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah: Ke arah penguatkuasaan dan penyeragaman standard sighah fatwa. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 1(1), 88-119. <https://ejournal.muftiwp.gov.my/index.php/jiftah/article/view/15>
- Khalif Muammar. (2013). *Islam dan Pluralisme: Memperkuat tawhid di zaman kekeliruan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Fauzi Hamat (2004). Sumbangan pengajian akidah dalam membangun minda melayu: Suatu sorotan ringkas. *Jurnal AFKAR*, 5(1), 25-44. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/afkar/article/view/12177>
- Mohd Hamidi Ismail. (2017, Disember 10). *Metodologi pengajian akidah Ahli Sunah Wal Jamaah: Referensi khas kepada manhaj al-Asha’irah*. Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunnah Wal Jamaah: Menjernihkan pemikiran masyarakat ke arah pegangan majoriti umat, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhadir Joll. (2021). *Sifat dua puluh: Suatu pengenalan asas*. Galeri Ilmu Sdn. Bhd.

- Muslim, Abū al-Hasan ibn al-Hajjāj. (2007). *Ṣaḥīḥ muslim*. Dār al-Ghadd al-Jadīd.
- Mustafa Kamal Amat Misra & Mohd Hakim Arshad. (2018). Peranan Muhammad bin Yusuf al-Sanūsī terhadap kelangsungan manhaj al-Ashā'irah. *IRSYAD E-Proceeding. International Conference on Islamiyyat Studies*, 294-301. <https://conference.kuis.edu.my/irsyad/images/eproceeding/2018/1040-irsyad-2018.pdf>
- 'Umar Mabrakī. (2021). *Al-Ilāhiyyāt 'ind al-Imām al-Sanūsī*. Dār al-Nūr al-Mubīn lī al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Wan Haslan Khairuddin. (2022). Kerangka kajian ajaran sesat menurut Ahli Sunah Waljamaah. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 1(1), 120-149. <https://ejournal.muftiwp.gov.my/index.php/jiftah/article/view/16>
- Zakaria Stapa, Indriaty Ismail, Wan Fariza Alyati, Abdul Rahman Mahmood, Mohd Haidhar Kamarzaman & Mohd Faizul Azmi. (2018). *Sejarah al-Asha'ri dan al-Asha'irah di Nusantara*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.